

Kerajaan kekalkan, tambah baik SST pastikan lebih cekap

Sistem percukaian lebih bersasar, beri impak fiskal pantas kepada negara

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan untuk mengekalkan struktur Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sedia ada, sambil melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan sistem percukaian yang lebih cekap dan berkesan.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata langkah itu adalah pendekatan kerajaan bagi mengekalkan cukai penggunaan secara bersasar, dengan barang dan perkhidmatan asas yang lazimnya digunakan oleh rakyat secara amnya tidak dikenakan cukai.

"SST adalah sistem percukaian yang lebih bersasar dan telah digunakan di Malaysia lebih 40 tahun yang lalu, serta menjadi satu sistem yang telah difahami oleh industri, peniaga dan rakyat."

"Pelaksanaan SST juga dapat memberikan impak fiskal yang lebih pantas kepada kerajaan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Senator Datuk C Sivaraj berkenaan pendekatan kerajaan dalam mempertimbangkan pelaksanaan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) atau penambahbaikan terhadap sistem SST yang lebih sesuai bagi memastikan sistem percukaian negara kekal berdaya tahan.

Belum mahu laksana GST

Hui Ying berkata, kerajaan belum berhasrat untuk melaksanakan GST kerana pendapatan rakyat secara amnya masih rendah untuk menerima impak cukai GST yang bersifat lebih meluas kepada majoriti rakyat.

"Kerajaan mengambil maklum berkenaan kebaikan sistem GST, namun seperti yang telah dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini, kerajaan belum berhasrat untuk melaksanakan GST."

"Langkah memperkenalkan semula GST memerlukan tempoh



Hui Ying pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

persediaan yang lebih panjang, iaitu mungkin sehingga dua tahun bagi memberi ruang kepada syarikat untuk mengemas kini sistem sebelum GST dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mempertimbangkan pelbagai aspek sebelum memutuskan kaedah percukaian yang paling sesuai untuk mengukuhkan kedudukan

fiskal negara pada masa ini.

"Kerajaan mempertimbangkan aspek struktur keseluruhan sistem percukaian negara sedia ada, ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan, kedudukan ekonomi semasa, keperluan hasil kerajaan serta taraf hidup rakyat secara keseluruhan," katanya.

BERNAMA

Ibadat & Fadilat

Abu Sa'id al-Khudri RA dan Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran serta kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (HR. Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:05	1:14	4:35	7:05	8:20
Alor Setar	6:05	1:14	4:35	7:06	8:21
P. Pinang	6:03	1:14	4:35	7:07	8:22
Ipoh	6:00	1:11	4:34	7:06	8:21
Kuala Lumpur	5:56	1:09	4:31	7:06	8:21
Shah Alam	5:56	1:09	4:31	7:06	8:21
Johor Bahru	5:44	1:00	4:24	7:00	8:15
Kuantan	5:49	1:03	4:26	7:01	8:15
Seremban	5:53	1:07	4:31	7:06	8:20
Bandar Melaka	5:51	1:06	4:30	7:05	8:20
Kota Bharu	5:57	1:06	4:27	6:59	8:09
K. Terengganu	5:52	1:02	4:24	6:56	8:11
Kota Kinabalu	5:01	12:11	3:32	6:03	7:18
Kuching	5:19	12:35	3:59	6:35	7:49